

**BAB IV**  
**ANALISIS PERBANDINGAN METODOLOGI PENULISAN HADITH**  
**ANTARA TAFSIR AL-MISHBĀḤ DAN TAFSIR PEDOMAN**  
**MUTTAQIN**

**4.1 Pendahuluan**

Setiap mufassir mempunyai manhaj atau kaedah tersendiri dalam menjelaskan ayat al-Qur'an. Perbezaan tersebut bukan hanya terletak pada pemikiran dan metode pentafsiran sahaja, tetapi juga pada metode penulisan Hadith dan penggunaannya. Pada bab ini penulis akan melakukan kajian perbandingan antara M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* dari segi metode penulisan Hadith yang kajiannya dikhususkan kepada *Sūrah al-Baqarah*. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti dan menilai metode penulisan dan penggunaan serta hukum Hadith yang digunakan oleh M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. dalam tafsirnya masing-masing.

**4.2. Metode Penulisan Hadith Dalam Tafsir al-Mishbāḥ dan Tafsir Pedoman Muttaqin**

Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* terdapat pelbagai bentuk metode penulisan Hadith yang telah dihasilkan oleh kedua pengarang. Kepelbagaian metode tersebut akan dinilai dan dianalisis beserta contohnya secara terperinci dalam bentuk perbandingan dan menjelaskan kesan setiap metode yang digunakan oleh kedua pengarang pada perbahasan berikut.

#### 4.2.1 Menyatakan Hadith Dengan Sanad dan Mukharrij

Menyatakan Hadith dengan sanad dan mukharrij merupakan metode penulisan Hadith yang paling baik kerana mengemukakan semua elemen yang mesti dinyatakan ketika menulis Hadith. Metode seperti ini digunapakai oleh M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Sebagai contoh dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* M.Q. Shihab mentafsirkan pada ayat berikut :

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ  
مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ  
الرِّبَا فَمَن جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَآنتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ  
عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Semasa menghuraikan ayat ini M.Q. Shihab menjelaskan bentuk-bentuk riba di antaranya ialah *Riba al-Faḍl* iaitu menukar jenis barang yang sama tetapi dengan ukuran yang berbeza. Kemudian beliau mengemukakan Hadith bagi menyokong pentafsirannya dengan menggunakan metode di atas. Hadith tersebut seperti dalam pernyataan beliau berikut ini :

*“Di samping bentuk di atas, yang populer dinamai riba al-Nashi’ah, Rasul saw juga melarang bentuk lain dari riba, yaitu riba al-Fadhl, yakni menukar jenis barang yang sama tetapi dengan ukuran yang berbeda. Nabi s.a.w. bersabda : “Emas dengan emas, perak dengan perak, gandum dengan gandum, garam dengan garam, sesuatu yang sama dengan yang sama, tangan dengan tangan (penyerahan langsung). Siapa yang melebihkan sesuatu atau meminta untuk melebihkan, maka dia telah melakukan peraktek riba, baik yang mengambil maupun yang memberi (HR. Bukhārī dan Muslim melalui Abū Sa’id al-Khudrī)”<sup>1</sup>*

<sup>1</sup> Muḥammad Quraish Shihab (2006), *Tafsir al-Mishbāḥ*, Jakarta : Lentera Hati : j. 1, c. 6, h. 592

Matan lengkap Hadith :

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الذَّهَبُ بِالدَّهَبِ  
وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالْمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلِ يَدًا  
بِيَدٍ فَمَنْ زَادَ أَوْ اسْتَزَادَ فَقَدْ أَرَبَى الْأَخِذَ وَالْمُعْطَى فِيهِ سَوَاءٌ.<sup>2</sup>

Manakala pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* dapat dilihat pada pentafsiran Abdul Hayei A.S. dalam ayat berikut :

خَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَارِهِمْ غِشْوَةً وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ



Tatkala mentafsirkan ayat ini Abdul Hayei A.S. mengemukakan satu soalan dengan menyatakan mengapa Allah s.w.t. tidak melorongkan hati orang kafir supaya dimasuki iman dan mengeluarkan sifat kekufuran yang ada pada mereka? Sebagai jawaban kepada soalan ini beliau mengemukakan pendapat Mutawallī al-Sha’rāwī dan membawakan satu teks Hadith bagi menyokong tafsirannya. Abdul Hayei A.S. mentafsirkan<sup>3</sup> :

*“Sheikh Mutawalli al-Sha’rawi menjawab : Allah swt Maha Kaya daripada bergantung kepada makhluk-Nya. Jika mereka memilih kufur dan tidak berminat kepada Iman, maka Allah membantu mereka untuk dia tidak beriman dan menjauhkan mereka daripada kebenaran.”* Jawapan Sheikh Mutawalli ini serasi dengan Hadith Qudsi riwayat Abu Hurayrah ra. Firman Allah swt :

أَنَا عِنْدَ ظَنِّ عَبْدِي بِي، وَأَنَا مَعَهُ إِذَا ذَكَرَنِي فَإِنْ ذَكَرَنِي فِي نَفْسِهِ، ذَكَرْتُهُ فِي نَفْسِي وَإِنْ  
ذَكَرَنِي فِي مَالٍ، ذَكَرْتُهُ فِي مَالٍ خَيْرٍ مِنْهُمْ وَإِنْ تَقَرَّبَ إِلَيَّ بِشَيْرٍ، تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ ذِرَاعًا وَإِنْ  
تَقَرَّبَ إِلَيَّ ذِرَاعًا، تَقَرَّبْتُ إِلَيْهِ بَاعًا وَإِنْ أَتَانِي يَمْسِي، أَتَيْتُهُ هَرَوَلَةً.<sup>4</sup>

<sup>2</sup> Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushayrī al-Naysābūrī (1991), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Masāqāh, Bāb al-Ṣarf Wa Bay’u al-Dhahab Bi al-Warq Naqdan, no. 1584, j. 3, h. 1211. Abū ‘Abd al-Raḥmān Aḥmad bin Shu’ayb bin ‘Alī al-Nasā’ī (1417 H), *Sunan al-Nasā’ī*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Bay’u al-Sha’ir Bi al-Sha’ir, no. 4565, Tahqiq : Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma’ārif, c. 1, h. 697. Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal (t.t), *Musnad Aḥmad*, Musnad al-Mukaththirin Min al-Ṣaḥābah, Musnad Abū Sa’id al-Khudrī, no. 11484, j. 3, h. 49

<sup>3</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Tafsir Pedoman Muttaqin*, Kuala Lumpur : Utusan Publications, j. 1, c. 2, h. 67

<sup>4</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’il al-Bukhārī (1400 H), *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Tawḥīd, Bāb Qawl Allāh Ta’āla “Wa Yuḥadhdhirukumullāh”, no. 7405, j. 4, h. 384. Imam Muslim

Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* ditemukan sebanyak 52 Hadith dan dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* sebanyak 203 Hadith. Daripada semua Hadith tersebut terdapat sebanyak 13 Hadith<sup>5</sup> menggunakan metode di atas dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan 99 Hadith<sup>6</sup> dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Dua pentafsiran yang dikemukakan di atas merupakan contohnya dan sekaligus menunjukkan bahawa M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S telah melakukan penulisan Hadith yang baik dalam tafsirnya masing-masing.

Namun begitu, Hadith dalam pernyataan M.Q. Shihab di atas masih saja sukar untuk dicari kerana matannya dikemukakan dalam bentuk terjemahan, terutama bagi mereka yang tidak memiliki kemampuan Bahasa Arab dengan baik. Di sinilah salah satu letak kelemahan penulisan Hadith M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* berbanding dengan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* menyatakan matan Hadith dengan bahasa Arab dan juga terjemahnya.

#### **4.2.2 Menyatakan Hadith Dengan Mukharrij Tanpa Sanad**

Metode penulisan Hadith kedua yang terdapat pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* ialah menyatakan Hadith dengan mukharrij tanpa sanad. Penulisan Hadith dengan metode ini terdapat 16 Hadith<sup>7</sup>

---

(1991), *Op. Cit.*, Kitāb al-Dhikr Wa al-Du'ā' Wa al-Tawbah Wa al-Istighfār, Bāb al-Ḥaththu 'Alā Dhikr Allāh, no. 2675, j. 4, h. 2061. Abū 'Īsā Muḥammad bin 'Īsā bin Thawrah al-Tirmidhī (1417 H), *Sunan al-Tirmidhī*, Kitāb al-Da'awāt, Bāb Fī Ḥusn al-Ḍann Bi Allāh 'Azza Wa Jalla, no. 3603, h. 818. Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī (1417 H), *Sunan Ibn Mājah*, Tahqiq : Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ Maktabah al-Ma'ārif, Kitāb al-Adab, Bāb Faḍl al-'Amal, no. 3822

<sup>5</sup> Lihat : Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, h. 219. 244. 365. 469. 508. 589. 591. 592. 603. 615. 616. 618. 618

<sup>6</sup> Lihat : Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Tafsir Pedoman Muttaqin*, Kuala Lumpur : JAKIM, j. 1, h. 48. 48. 49. 49. 67. 68. 74. 91. 124. 137. 160. 201. 201. 247. 255. 277. 278. 291. 346. 352. 438. 455, j. 2, h. 9. 13. 15. 24. 77. 78. 91. 93. 97. 99. 100. 103. 104. 107. 135. 154. 155. 158. 159. 159. 185. 195. 196. 207. 209. 223. 237. 239. 239. 240. 240. 241. 241. 243. 249. 250. 250. 257. 259. 260. 260. 276. 286. 301. 309. 314. 362. 401. 417. 418. 418. 418. 418. 421. 424. 429. 430. 448. 448. 449. 453. 455. 456. 461. 463. 467. 483. 483. 484. 486. 487. 487. 513. 514. 515. 518. 541

<sup>7</sup> Lihat : Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 196. 249. 301. 339. 352. 466. 464. 478. 550. 563. 563. 563. 599. 604. 618. 622

dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan 77 Hadith<sup>8</sup> dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Contohnya pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* pada ayat 114 berikut :

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّن مَّنَعَ مَسْجِدَ اللَّهِ أَنْ يُذْكَرَ فِيهَا اسْمُهُ وَسَعَىٰ فِي خَرَابِهَا أُولَٰئِكَ  
مَا كَانَ لَهُمْ أَنْ يَدْخُلُوهَا إِلَّا خَافِيِينَ ۚ لَهُمْ فِي الدُّنْيَا خِزْيٌ وَلَهُمْ فِي الآخِرَةِ  
عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿١١٤﴾

Pengertian kata masjid sebagaimana dalam ayat di atas menurut M.Q. Shihab bukan hanya terhad kepada bangunan yang dikhususkan untuk beribadah tetapi ianya meliputi bumi dan segala isinya. Bagi menguatkan penjelasan ini beliau membawakan satu teks Hadith dengan terjemahan tanpa sanad diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim seperti dalam tulisan beliau di bawah ini :

*“Bukankah mesjid tempat sujud? Sedangkan Allah telah menjadikan bumi seluruhnya sebagai tempat sujud buat kaum muslimin. Sebagaimana sabda Nabi saw., “Allah menjadikan bumi buat aku dan umatku sebagai tempat sujud dan sarana penyucian”, yakni mensucikan diri dengan jalan bertayammum (HR. Bukhārī dan Muslim)”.*

Matan lengkap Hadith :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ جُعِلَتْ لِي الْأَرْضُ مَسْجِدًا  
وَطَهْرًا.<sup>9</sup>

Manakala pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* pada ayat 102 berikut ini :

وَلَكِنَّ الشَّيَاطِينَ كَفَرُوا يُعَلِّمُونَ النَّاسَ السِّحْرَ... ﴿١٠٢﴾

<sup>8</sup> Lihat : Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 78. 177. 183. 253. 338. 341. 341. 341. 342. 355. 372. 385. 418. 445. 466. 476. 489, j. 2, 10. 24. 51. 52. 56. 56. 57. 57. 57. 58. 58. 58. 59. 60. 60. 61. 72. 78. 83. 89. 93. 98. 147. 157. 171. 196. 197. 205. 211. 218. 222. 228. 230. 236. 248. 250. 264. 277. 279. 285. 293. 299. 311.365. 368. 375. 375. 385. 396. 396. 397. 401. 419. 462. 464. 477. 511. 530. 557. 557.

<sup>9</sup> Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Ju'ilat Lī al-Arḍ Masjidan, no. 438, j. 1, h. 158. Abū Dāwūd Sulaymān bin al-Ash'ath al-Sijistānī (1417 H), *Sunan Abū Dāwūd*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Fī al-Mawāḍi' al-Latī Lā Tajūzu Fīhā al-Ṣalāh, no. 489, Taḥqīq : Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Riyāḍ : Maktabah al-Ma'ārif, c. 3, h. 90

Dalam ayat di atas didapati kata “*al-sihr*” yang maknanya menurut Abdul Hayei A.S. ialah perbuatan yang halus dan tersembunyi. Selain itu, ungkapan yang menarik perhatian dan mencuit perasaan juga menurut beliau termasuk sihir<sup>10</sup>. Beliau berlandaskan kepada Hadith Nabi s.a.w. diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī tanpa menyatakan sanadnya. Abdul Hayei A.S. mengatakan :

*Dari aspek bahasa sihir diertikan sebagai perbuatan yang halus dan tersembunyi, dihubungkan dengan masa iaitu pada waktu akhir malam dikatakan sahur kerana waktu ini manusia tidur dan bersembunyi padanya. Ucapan yang menarik perhatian dan mencuit perasaan diungkapkan sebagai sihir, sebagaimana dalam sabda Nabi saw.*

إِنَّ مِنَ الْبَيِّنَاتِ لَسِحْرًا.<sup>11</sup>

Hadith dalam dua pentafsiran di atas sama-sama dikemukakan oleh kedua pengarang dengan mukharrij tanpa sanad. Nama mukharrij Hadith dalam pernyataan M.Q. Shihab di atas ialah Imam al-Bukhārī dan Muslim diletakkan selepas matan. Daripada 16 Hadith<sup>12</sup> yang dinyatakan oleh M.Q. Shihab dengan metode di atas 15 Hadith di antaranya nama mukharrijnya diletakkan selepas matan dan 1 Hadith lagi dinyatakan sebelum matan<sup>13</sup>. Manakala Abdul Hayei A.S. mengemukakan Hadith dengan metode di atas sebanyak 77 Hadith<sup>14</sup> dan semua nama mukharrijnya diletakkan pada nota kaki.

Metode penulisan Hadith seperti di atas sedikit tidak sempurna kerana tidak menyatakan sanad yang semestinya dinyatakan semasa menggunakan Hadith

<sup>10</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 337

<sup>11</sup> Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Ṭibb, Bāb Inn Min al-Bayān Lasiḥran, no. 5767, j. 4, h. 49. Hadith sahih riwayat Imam al-Bukhārī.

<sup>12</sup> Lihat : Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 196. 249. 301. 339. 352. 466. 464. 478. 550. 563. 563. 599. 604. 618. 622

<sup>13</sup> Muhammad Quraish Shihab (2005), *Op. Cit.*, j. 1, h. 550

<sup>14</sup> Lihat : Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 78. 177. 183. 253. 338. 341. 341. 341. 342. 355. 372. 385. 418. 445. 466. 476. 489, j. 2, 10. 24. 51. 52. 56. 56. 57. 57. 58. 58. 59. 60. 60. 61. 72. 78. 83. 89. 93. 98. 147. 157. 171. 196. 197. 205. 211. 218. 222. 228. 230. 236. 248. 250. 264. 277. 279. 285. 293. 299. 311.365. 368. 375. 375. 385. 396. 396. 397. 401. 419. 462. 464. 477. 511. 530. 557. 557.

sekurang-kurangnya nama perawi dari kalangan sahabat. Perkara ini perlu dinyatakan agar para pembaca dapat mengetahui siapa nama sahabat yang meriwayatkannya dan untuk memudahkan mereka melakukan takhrij kepada Hadith tersebut berdasarkan nama sahabat. Ini merupakan salah satu bentuk kesilapan kedua pengarang dari segi penulisan Hadith dalam tafsirnya masing-masing. Namun begitu, penulisan Hadith dalam tafsiran Abdul Hayei A.S. di atas lebih baik dan Hadithnya lebih mudah dikesan kerana matannya dinyatakan dengan bahasa Arab dan takhrijnya disebutkan secara ringkas.

#### 4.2.3 Menyatakan Hadith Dengan Sanad Tanpa Mukharrij

Penulis mendapati, M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. sama-sama menggunakan metode di atas dalam menyatakan Hadith. Terdapat dua Hadith<sup>15</sup> dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan enam Hadith<sup>16</sup> dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Tafsiran M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* berikut ini sebagai contoh :

وَأَمِنُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لِمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أُولَٰ كَافِرِينَ بِهِ ۗ وَلَا تَشْتَرُوا  
بِعَائِي ثَمَنًا قَلِيلًا وَإِيَّيَ فَاتَّقُونَ ﴿١٠١﴾

Setelah mentafsirkan ayat ini secara terperinci M.Q. Shihab menyatakan bahawa beliau tidak bersetuju dengan pendapat ulama yang menyatakan tidak boleh menerima upah mengajar al-Qur'an. Bagi menguatkan pandangannya beliau mengemukakan pendapat majoriti ulama yang membolehkan perkara tersebut dan mengemukakan satu teks Hadith dengan sanad tanpa mukharrij. M.Q. Shihab mentafsirkan :

<sup>15</sup> Lihat : Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 174. 300

<sup>16</sup> Lihat : Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 224, j. 2, h. 139. 172. 487. 512. 513

“Mayoritas ulama sejak dahulu membolehkannya, antara lain Imam Malik, Syafi’i dan Ahmad. Salah satu alasan mereka adalah Sabda Nabi Melalui Ibn ‘Abbas ra. yang menyatakan bahwa : “Sesungguhnya yang paling wajar kamu ambil sebagai upah adalah mengajar al-Qur’an”.

Matan lengkap Hadith :

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ : أَنَّ نَفَرًا مِنْ أَصْحَابِ رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- مَرُّوا بِحَيٍّ مِنْ أَحْيَاءِ الْعَرَبِ وَفِيهِمْ لَدِيغٌ أَوْ سَلِيمٌ فَقَالُوا : هَلْ فِيكُمْ مِنْ رَاقٍ ، فَإِنَّ فِي الْمَاءِ لَدِيغًا أَوْ سَلِيمًا ، فَانْطَلَقَ رَجُلٌ مِنْهُمْ فَرَقَاهُ عَلَى شَاءِ فَبَرَأَ ، فَلَمَّا أَتَى أَصْحَابَهُ كَرَهُوا ذَلِكَ وَقَالُوا : أَخَذْتَ عَلَى كِتَابِ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ أَجْرًا. فَلَمَّا قَدِمُوا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- أَتَى رَسُولَ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- فَأَخْبَرَهُ بِذَلِكَ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- : إِنَّ أَحَقَّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ.<sup>17</sup>

Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* di antaranya ialah seperti pentafsiran beliau pada ayat berikut :

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالنَّصْرَى وَالصَّبِيَّةَ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ  
الْآخِرِ وَعَمِلَ صَالِحًا فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ  
مَحْزُونُونَ ﴿١٢﴾

Ketika mentafsirkan ayat ini Abdul Hayei A.S. membawakan satu teks Hadith tanpa menuliskan nama mukharrijnya. Abdul Hayei A.S. menyatakan :

*Iman yang tidak disertakan dengan amal salih, bagaikan dakwaan yang tidak disertakan bukti dan fakta. Justeru Nabi bersabda :*

لَيْسَ الْإِيمَانُ بِالتَّحَلِّيِّ وَلَا بِالتَّمَنِّيِّ وَ لَكِنْ مَا وَقَرَ فِي الْقَلْبِ وَصَدَّقَهُ الْعَمَلُ.

<sup>17</sup> Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit*, Kitāb al-Ṭibb, Bāb al-Sharḥ Fī al-Raqyah Bi Qaṭī’ Min al-Ghanam, no. 5737, j. 4, h. 43



Dua Hadith dalam pernyataan di atas sama-sama dikemukakan oleh kedua pengarang dengan sanad tanpa mukharrij. M.Q. Shihab meletakkan nama mukharrijnya sebelum matan dan Abdul Hayei A.S. pada nota kaki<sup>18</sup>.

Pendekatan seperti di atas juga tentu memiliki kelemahan sebagaimana pendekatan sebelumnya. Bahkan Hadith yang dinyatakan dengan metode ini lebih sukar untuk merujuk kepada sumbernya kerana pengarang hanya menyebutkan sanad sahaja tanpa nama perawi yang meriwayatkannya, apatah lagi jika Hadith tersebut dinyatakan dalam bentuk terjemahan. Inilah yang berlaku pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Hanya saja dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* Abdul Hayei A.S. menyatakan matan Hadith dengan Bahasa Arab dan terjemahnya sekaligus.

#### **4.2.4 Menyatakan Hadith Tanpa Sanad dan Mukharrij**

Selain daripada tiga metode di atas, terdapat satu lagi metode penulisan Hadith yang sama-sama digunakan oleh M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. pada *Sūrah al-Baqarah* dalam tafsirnya masing-masing. Metode yang dimaksud ialah menyatakan Hadith tanpa sanad dan mukharrij. Berdasarkan penyelidikan, Hadith dengan metode ini didapati sebanyak 15 Hadith<sup>19</sup> dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan 21 Hadith<sup>20</sup> dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Berikut merupakan contoh yang didapati dalam kedua-dua tafsir tersebut. Dalam *Tafsir al-Mishbāh* :

---

<sup>18</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 224

<sup>19</sup> Lihat : Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 101. 133. 234. 326. 352. 370. 409. 426. 426. 470. 544. 584. 604. 604. 611

<sup>20</sup> Lihat : Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 459, j. 2, h. 59. 59. 62. 63. 64. 64. 65. 65. 65. 66. 66. 66. 66. 67. 67. 68. 68. 68. 92. 94

تُخَدِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا تُخَدِعُونَ إِلَّا أَنْفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ



Makna kata “*khda'a*” dalam ayat di atas menurut M.Q. Shihab ialah ucapan atau perbuatan yang disertai dengan penipuan salah-olah pelakunya bermaksud berbuat baik pada hal sebaliknya. M.Q. Shihab menambahkan, perbuatan seperti ini dilarang oleh Agama kecuali dalam peperangan. Dalam peperangan dibolehkan berdasarkan Hadith Nabi s.a.w.. M.Q. Shihab menyatakan :

“*Perlakuan semacam ini tercela dalam keadaan apapun kecuali pada peperangan. Dalam konteks ini Nabi bersabda الحرب خدعة*, “*Peperangan adalah tipu daya*” atau “*Peperangan adalah kegiatan yang dilakukan oleh yang pandai bertipu daya*”. Adapun menampakkan diri sebagai tertipu kepada yang menipu, maka – selama sikap ini tidak merugikan – ia terpuji atau paling sedikit dapat ditoleransi”.  
Matan lengkap Hadith :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهُ سَمَّى الْحَرْبَ خُدْعَةً.<sup>21</sup>

Dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* pada *Sūrah al-Baqarah* ayat 152 :

فَاذْكُرُونِي أَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونَ

Abdul Hayei A.S. menjelaskan kata “*adhkurkum*” dalam ayat ini berasal daripada kata “*dhakara*” yang maknanya mengingat atau menyebut. Maksudnya ialah memuji Allah s.w.t. atas nikmat yang telah dikurniakan kepada makhluk-Nya. Menerusi makna tersebut beliau mengemukakan dhikir atau doa sebelum tidur yang berasal daripada Hadith Nabi s.a.w. tetapi beliau tidak mengemukakan sanad dan mukharrijnya. Hadith tersebut sebagaimana dalam pernyataan Abdul Hayei A.S. berikut ini :

<sup>21</sup> Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Jihād Wa al-Sayr, Bāb al-Ḥarb Khud’ah, no. 3030, j. 2, h. 366

بِاسْمِكَ اللَّهُمَّ وَضَعْتُ جَنِّي فَإِنْ أَمْسَكْتَ نَفْسِي فَارْحَمْهَا وَإِنْ أَرْسَلْتَهَا فَاحْفَظْهَا بِمَا  
تَحْفَظُ بِهِ عِبَادَكَ الصَّالِحِينَ.<sup>22</sup>

Sekalipun matan Hadith dalam pernyataan di atas dinyatakan oleh kedua pengarang dengan Bahasa Arab, namun dari segi penulisannya masih terdapat sisi kelemahan dan tidak memenuhi kriteria ilmiah yang baik kerana sanad dan mukharrijnya tidak dikemukakan. Pasti, penulisan Hadith dengan metode di atas tentu lebih sukar lagi untuk dipastikan kepada sumber aslinya berbanding dengan tiga metode yang sebelumnya.

#### 4.2.5 Menyatakan Maksud Hadith dan Mukharrijnya Tanpa Sanad dan Matan

Penulis mendapati, menyatakan maksud Hadith dan mukharrijnya tanpa sanad dan matan hanya digunakan oleh M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh*. Manakala Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* tidak menggunakan metode tersebut. M.Q. Shihab mentafsirkan ayat di bawah ini :

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا تَدَايَنُمُ بِيَدَيْنِ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ...<sup>23</sup>

Berdasarkan ayat di atas M.Q. Shihab menjelaskan bahawa hendaklah setiap orang berhati-hati dalam berhutang dan semestinya semasa berhutang sudah tergambar dalam hati penghutang masa dan sumber pembayarannya. Sehubungan dengan hal ini, M.Q. Shihab mengemukakan satu teks Hadith secara maksud dan mukharrijnya yang menyatakan bahawa Nabi s.a.w. tidak bersedia melakukan solat

<sup>22</sup> *Ibid.*, Kitāb al-Da'awāt, Bāb al-Ta'awudh wa al-Qirā'ah 'Inda al-Manām, no. 5845, h. 387

<sup>23</sup> Sūrah al-Baqarah : 282


jenazah kepada orang yang meninggal yang masih punya hutang sebelum ada yang menjamin pembayaran hutangnya<sup>24</sup>. Pernyataan beliau berikut ini :

*“Sedemikian keras tuntutan kehati-hatian sampai-sampai Nabi saw. enggan menshalati mayat yang berhutang tanpa ada yang menjamin hutangnya (HR. Abu Dawud dan al-Nasa’i),”*.

M.Q. Shihab mengemukakan Hadith di atas sebagai penyokong kepada pernyataannya secara maksud dan mukharrijnya tanpa sanad dan matan. Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* ditemukan satu Hadith dikemukakan oleh beliau dengan menggunakan metode tersebut seperti yang telah penulis huraikan di atas. Walaupun sanad dan mukharrijnya dinyatakan oleh M.Q. Shihab tetap sahaja Hadith tersebut sukar untuk dipastikan kepada sumber aslinya kerana matan yang menjadi elemen utama dalam menyatakan Hadith tidak disebutkan dengan jelas.

#### **4.2.6 Mengemukakan Hadith Secara Isyarat Dengan Menyatakan Dalam Hadith Rasulullah S.A.W. Bersabda**

Mengemukakan Hadith dengan metode ini juga hanya digunakan oleh M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh*. Sebagai contoh pentafsiran beliau pada ayat 238 berikut ini :

 حَافِظُوا عَلَى الصَّلَوَاتِ وَالصَّلَاةِ الْوَسْطَىٰ وَقُومُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ

Ketika menghuraikan ayat ini beliau menyatakan :

*“Banyak ulama yang memahami shalat wustha adalah shalat ‘Ashar, karena ia adalah pertengahan antara shalat siang dan malam, dan perintah menjaga shalat ini penting, karena saat itu adalah saat kesibukan atau keletihan karena aneka aktivitas sejak pagi. Keadaan demikian dapat menjadikan seseorang lupa melaksanakannya atau malas akibat keletihannya. Pendapat ini dikuatkan juga oleh riwayat yang menyatakan, bahwa Nabi Muhammad saw., memahami shalat ashar dengan shalat al-Wusthā”*.

<sup>24</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 603

Matan lengkap Hadith yang maksudnya sama dengan pernyataan M.Q. Shihab di atas ialah seperti berikut :

عن عبد الله ابن مسعود رضي الله عنه قال : حَبَسَ الْمُشْرِكُونَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صَلَاةِ الْعَصْرِ حَتَّى أَحْمَرَّتِ الشَّمْسُ أَوْ اصْفَرَّتْ ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : «شَغَلُونَا عَنِ الصَّلَاةِ الْوُسْطَى : صَلَاةِ الْعَصْرِ ؛ مَلَأَ اللَّهُ أَجْوَابَهُمْ وَقُبُورَهُمْ نَارًا ، أَوْ حَشَا اللَّهُ أَجْوَابَهُمْ وَقُبُورَهُمْ نَارًا».<sup>25</sup>

Hadith dalam pernyataan di atas adalah salah satu contoh daripada 5 Hadith<sup>26</sup> yang ditulis oleh M.Q. Shihab secara isyarat pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh*. Sebagaimana dalam pernyataan tersebut beliau mengemukakan Hadith sebagai dalil dalam bentuk isyarat yang menyatakan bahawa tafsirannya dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w. dalam sabdanya tanpa mengemukakan sanad, matan dan mukharrij apatah lagi hukumnya. Metode seperti ini lebih sukar lagi untuk dipastikan berbanding dengan beberapa metode yang telah dihuraikan sebelumnya dan merupakan salah satu kelemahan M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* dari aspek penulisan Hadith.

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* tidak menetapkan kaedah penulisan dalam menyatakan Hadith. Ini terbukti dengan hasil kajian yang mendapati beberapa metode penulisan Hadith dalam dua kitab tersebut. Sebahagian metode yang dikemukakan menggambarkan bahawa kedua pengarang telah melakukan metode penulisan Hadith yang baik ketika mentafsirkan al-Qur'an, tetapi metode yang lain tidak memenuhi kriteria ilmiah kerana tidak menyatakan semua elemen yang semestinya dikemukakan ketika menulis Hadith.

<sup>25</sup> Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Jihād Wa al-Sayr, Bāb al-Du'ā' 'Alā al-Mushrikīn Bi al-Hazīmah, no. 2931, j. 2, h. 340

<sup>26</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 491.497. 520. 577. 584

Penulisan Hadith yang telah dihasilkan oleh Abdul Hayei A.S. pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* lebih baik dan istimewa berbanding dengan penulisan Hadith M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mshbāh*. Keistimewaan Abdul Hayei A.S. ialah terletak pada penulisan matan Hadith dengan bahasa Arab dan terjemahnya sekaligus. Selain itu, beliau mengemukakan takhrij pada sebahagian tempat secara sederhana meliputi nama pengarang kitab, kitab, bab dan nombor Hadith. Paling menarik lagi apabila beliau menyatakan fahrasat Hadith-Hadith yang digunakan pada bahagian akhir kitab.

Berbeza dengan M.Q. Shihab pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* menyatakan Hadith secara umum dalam bentuk terjemahan. Pada objektif kajian ini hanya tiga Hadith matannya dinyatakan oleh beliau dengan bahasa Arab. Selain itu, beliau mengemukakan Hadith terkadang secara isyarat dengan menyatakan “dalam Hadith Rasulullah s.a.w. dijelaskan demikian” tanpa menyatakan sanad, matan dan mukharrij apatah lagi hukumnya. Pendekatan seperti ini jelas mengakibatkan kesukaran dan memerlukan mujahadah yang tinggi bagi memastikan Hadith-Hadith tersebut kepada sumber aslinya.

#### 4.2.7 Jadual

##### Menunjukkan Bilangan Hadith Berdasarkan Metode Penulisannya Pada *Sūrah al-Baqarah* Dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*

NO	METODOLOGI	TAFSIR AL-MISHBĀḤ		TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN	
		BILANGAN	PERATUS	BILANGAN	PERATUS
1	Menyatakan Hadith Dengan Sanad Pertama dan Mukharrij.	13	25%	99	49%
2	Menyatakan Hadith Dengan Mukharrij Tanpa Sanad.	16	31%	77	38%
3	Menyatakan Hadith Dengan Sanad Tanpa Mukharrij.	2	4%	6	3%
4	Menyatakan Hadith Tanpa Sanad dan Mukharrij.	15	29%	21	10%
5	Menyatakan Maksud Hadith dan Mukharrijnya Tapi Tanpa Sanad dan Matan.	1	2%	-	0%
6	Menyatakan Hadith Secara Isyarat Dengan Menyatakan Dalam Sebuah Hadith Rasulullah S.A.W. Bersabda.	5	9%	-	0%
JUMLAH		52	100%	203	100%

Jadual di atas menunjukkan bahawa penulisan Hadith dengan menggunakan metode pertama sebanyak 13 Hadith (25%) dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan 99 Hadith (49%) dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Manakala metode kedua 16 Hadith (31%) dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan 77 Hadith (38%) dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Untuk metode yang ketiga didapati sebanyak 2 Hadith (4%) dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan 6 Hadith (3%) dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Seterusnya ialah metode yang keempat. Terdapat 15 Hadith (29%) dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan 21 Hadith (10%) dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Sedangkan metode kelima dan keenam hanya digunakan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan tidak digunakan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* terdapat satu Hadith (2%) untuk metode yang kelima dan lima Hadith (9%) untuk metode yang keenam.

### **4.3 Penggunaan Hadith Dalam Tafsir al-Mishbāh dan Tafsir Pedoman Muttaqin**

Hadith-Hadith pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* bukanlah yang menjadi isu perbincangan utama, tetapi Hadith-Hadith tersebut dikemukakan oleh kedua pengarang sebagai penguat dan penjelas terhadap ayat atau sebagai dalil (*Istidlāl*) dan penyokong terhadap pernyataan. Perkara inilah yang akan diuraikan pada perbincangan seterusnya.

#### **4.3.1 Menjelaskan Maksud Ayat**

Jika seorang mufassir tidak mendapati ayat al-Qur'an bagi mentafsirkan ayat, maka hendaklah merujuk kepada Hadith Rasulullah s.a.w., kerana sesungguhnya fungsi Hadith terhadap al-Qur'an ialah sebagai penjelas (*bayān*)<sup>27</sup>. Ibn Kathir (w.772 H) menyatakan pendekatan seperti ini merupakan pendekatan yang paling baik dalam mentafsirkan al-Qur'an<sup>28</sup> dan telah diaplikasikan oleh M.Q. Shihab dan Abdu Hayei A.S. pada *Sūrah al-Baqarah* dalam tafsirnya masing-masing.

---

<sup>27</sup> Lihat *Sūrah al-Naḥl* : 44

<sup>28</sup> Abū al-Fidā' Ismā'īl bin 'Umar bin Kathīr al-Dimashqī (2004), *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm*, Riyād : Dār al-Salām, c. 6, j. 1, h. 20



M.Q. Shihab mengemukakan Hadith sebagai penjelas terhadap ayat pada *Sūrah al-Baqarah* dalam dalam *Tafsir al-Mishbāh* sebanyak 15 Hadith<sup>29</sup>. Beliau mentafsirkan pada ayat berikut :

وَلَيْنَ آتَيْتَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ بِكُلِّ آيَةٍ مَا تَبِعُوا قِبْلَتَكَ وَمَا أَنْتَ بِتَابِعٍ قِبْلَتِهِمْ وَمَا  
بَعْضُهُمْ بِتَابِعٍ قِبْلَةَ بَعْضٍ وَلَيْنَ آتَيْتَ أَهْوَاءَهُمْ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَكَ مِنَ الْعِلْمِ  
إِنَّكَ إِذَا لَمِنَ الظَّالِمِينَ ﴿١٤٥﴾

Menerusi ayat di atas, M.Q. Shihab mengatakan yang dilarang ialah mengikuti keinginan orang Yahudi dan Nasrani berdasarkan hawa nafsu mereka. Jika mereka menyampaikan kebenaran yang dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah maka perkara tersebut dibolehkan. Pentafsiran ini berdasarkan Hadith Nabi s.a.w. sebagaimana yang telah dikemukakan oleh beliau dalam tafsirnya. M.Q. Shihab menyatakan :

*“Adapun jika yang mereka sampaikan itu hal-hal yang benar, dapat dipertanggungjawabkan secara ilmiah, maka tidak ada halangan untuk mengikutinya, karena seperti sabda Nabi s.a.w., “Hikmah adalah dambaan seorang muslim, dimana dan dari siapa pun ia menemukannya maka dia lebih wajar memilikinya.” Nabi s.a.w. juga membenarkan kaum muslimin menerima dan menyampaikan informasi Ahl al-Kitāb selama tidak bertentangan dengan tuntunan agama atau akal sehat. “Silahkan beritakan apa yang (bersumber) dari Bani Isra’il. Tidak ada halangan...” (HR. Bukhari)”<sup>30</sup>.*

Hadith dalam pentafsiran M.Q. Shihab di atas berfungsi untuk memberikan penjelasan terhadap maksud ayat secara lebih luas bahawa yang dilarang ialah mengikuti keinginan orang Yahudi yang bersumber daripada hawa nafsu mereka. Jika mereka menyampaikan kebenaran yang dapat dibuktikan secara ilmiah maka tidak salah untuk mengikutinya.

<sup>29</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 174. 300. 365. 370. 409. 426. 426. 478. 497. 509. 520. 544. 599. 616. 618

<sup>30</sup> *Ibid*, j. 1, h. 352

Seterusnya, pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* sebanyak 47 Hadith<sup>31</sup> digunakan oleh pengarang sebagai penjelas terhadap ayat. Abdul Hayei A.S. mentafsirkan :

وَلَا تَبَشِّرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسْجِدِ ...

Bagi menjelaskan pelaksanaan iktikaf dalam ayat di atas Abdul Hayei A.S. mengemukakan Hadith berikut :

عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَّلَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللَّهُ ثُمَّ اعْتَكَفَ أَزْوَاجُهُ مِنْ بَعْدِهِ.<sup>32</sup>

Terjemahan : Daripada ‘A’ishah r.a. : *Baginda Rasulullah s.a.w. beriktikaf pada 10 terakhir Ramadhan sehingga baginda diwafatkan oleh Allah, kemudian para isterinya beriktikaf selepasnya.*

Hadith ini dikemukakan oleh Abdul Hayei A.S. untuk menjelaskan pelaksanaan iktikaf yang diamalkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai huraian kepada potongan ayat di atas. Kemudian amalan tersebut dilakukan oleh para isteri Rasulullah s.a.w. dan sekaligus menjadi contoh tauladan (*Uswah Hasanah*) bagi umatnya<sup>33</sup>.

#### 4.3.2 Penguat Pernyataan

Selain menggunakan Hadith sebagai penjelas terhadap ayat, M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. juga menggunakan Hadith-Hadith sebagai dalil atau penguat terhadap

<sup>31</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 68. 74. 153. 154. 201., j. 2, h. 15. 51. 97. 100. 147. 185. 205. 207. 209. 209. 211. 239. 240. 240. 241. 257. 259. 260. 286. 293. 309. 315. 375. 396. 396. 417. 418. 418. 418. 418. 419. 429. 467. 513. 513. 514. 515. 557. 557

<sup>32</sup> Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-I’tikāf, Bāb al-I’tikāf Fī al-‘Ashr al-Awākhir, no. 1886. Hadith sahih riwayat Imam al-Bukhārī.

<sup>33</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 259

pernyataan. Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* terdapat 37 Hadith<sup>34</sup> digunakan oleh M.Q. Shihab sebagai penguat pernyataan. Sebagai contoh beliau mentafsirkan :

*“Dia menganugerahkan rahmat-Nya bukan sebagai imbalan amal-amal baik manusia, karena jika demikian, pastilah orang kafir tidak memperoleh rahmat. Sebaliknya, pasti juga orang beriman dan bertakwa meraih surga, padahal Rasul saw sendiri pun menegaskan bahwa beliau tidak masuk surga karena amalnya, tetapi semata-mata karena rahmat Allah atas beliau. “Tidak seorang pun di antara kamu yang masuk ke surga dengan amalnya.” Sabda Rasul saw. “Engkau pun tidak wahai Rasul Allah?” tanya sahabat-sahabat beliau. “Aku pun tidak, kecuali bila Allah melimpahkan rahmat-Nya kepadaku” (HR. Bukhārī)”<sup>35</sup>.*

Hadith riwayat Imam al-Bukhārī dalam pentafsiran di atas dikemukakan oleh M.Q. Shihab sebagai dalil kepada pernyataan beliau yang menyatakan bahawa Allah s.w.t. memberikan rahmat kepada hamba-Nya semata-mata kerana rahmat-Nya bukan kerana amal kebaikan manusia.

Manakala pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* sebanyak 156 Hadith<sup>36</sup>. Pentafsiran Abdul Hayei A.S. berikut ini sebagai contoh :

*“Begitu juga terdapat hadith-hadith yang menunjukkan bahawa kulit bangkai itu boleh diambil manfaat apabila dibersihkan dengan samak. Antaranya hadith riwayat Abd al-Rahman bin Wa’ilah, sabda Rasulullah saw :*

إِذَا دُبِغَ الْإِهَابُ فَقَدْ طَهَّرَ<sup>37</sup>

*Terjemahan : Apabila kulit disamak maka ia menjadi suci”<sup>38</sup>.*

<sup>34</sup> *Ibid.*, h. 101. 133. 196. 219. 234. 244. 249. 301. 326. 339. 352. 464. 466. 469. 470. 491. 520. 550. 563. 563. 563. 577. 584. 589. 591. 591. 592. 603. 603. 604. 604. 604. 611. 615. 618. 618. 622

<sup>35</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 466. Hadith di atas diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, *Kitāb al-Marḍā, Bāb Tamannā al-Marīḍ al-Mawt*, no. 5673

<sup>36</sup> *Ibid.*, j. 1, h. 48. 48. 49. 49. 78. 91. 157. 160. 177. 183. 201. 224. 247. 254. 255. 277. 278. 291. 341. 341. 341. 342. 346. 352. 355. 372. 385. 417. 418. 438. 445. 455. 459. 461. 466. 466. 476. 489., j 2, h. 9. 10. 13. 24. 24. 52. 56. 56. 57. 57. 57. 58. 58. 58. 59. 59. 60. 60. 61. 62. 63. 64. 64. 65. 65. 65. 66. 66. 67. 67. 68. 72. 77. 78. 78. 83. 89. 83. 89. 91. 92. 93. 93. 94. 98. 99. 103. 104. 107. 135. 154. 155. 157. 158. 159. 159. 171. 195. 196. 196. 197. 218. 222. 223. 228. 228. 230. 236. 237. 243. 248. 249. 250. 250. 260. 264. 276. 277. 279. 285. 299. 301. 311. 362. 365. 368. 375. 385. 392. 397. 399. 401. 401. 421. 424. 430. 448. 449. 453. 455. 456. 461. 462. 463. 464. 477. 483. 483. 484. 486. 487. 487. 487. 511. 512. 518. 530. 541

<sup>37</sup> Imam Muslim (1991), *Op. Cit.*, *Kitāb al-Ḥayd, Bāb Ṭahārah Julūd al-Maytah Bi al-Dibāgh*, no. 547

Abdul Hayei A.S. mengemukakan pernyataan di atas ketika mentafsirkan *Sūrah al-Baqarah* ayat 173 yang menjelaskan tentang empat benda yang diharamkan dalam Islam salah satunya adalah bangkai. Menurut beliau, tidak boleh memakan dan mengambil manfaat bangkai dengan cara apa sekalipun kecuali dalam satu hal iaitu mengambil manfaat dari kulit bangkai selepas di samak terlebih dahulu. Pernyataan ini berdasarkan Hadith Rasulullah s.a.w. sebagaimana dalam tafsiran beliau di atas.

Banyak mengemukakan Hadith dalam kitab tafsir menunjukkan mufassirnya amat mengambil kira Hadith Rasulullah s.a.w. dalam mentafsirkan al-Qur'an sebagaimana yang telah dilakukan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam dua kitab tersebut terdapat sebanyak 255 Hadith meliputi 52 Hadith dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan 203 Hadith dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Namun begitu, penulis mendapati kebanyakan Hadith-Hadith tersebut ternyata tidak secara langsung dijadikan sebagai penjelas dan penguat terhadap ayat, tetapi sebagai dalil terhadap pernyataan yang dikemukakan. Di samping itu, pentafsiran kedua pengarang secara logika kelihatan lebih luas berbanding dengan pentafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an atau pentafsiran al-Qur'an dengan Hadith. Dengan kata lain, *Tafsir Bi al-Ra'y* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* lebih luas berbanding dengan *Tafsir Bi al-Ma'thūr*.

Sebagaimana yang telah penulis huraikan sebelumnya, Hadith-Hadith pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* tidak menjadi isu perbincangan utama, sehingga syarah Hadithnya kelihatan tidak menonjol. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa Hadith syarahnya

---

<sup>38</sup> Abdul Hayei A.S. (2010), *Op. Cit.*, j. 2, h. 159

dikemukakan mengikut keperluan kedua pengarang semasa mentafsirkan ayat.

Sebagai contoh dalam *Tafsir al-Mishbāh* M.Q. Shihab menyatakan :

*“Anda dapat juga berkata bahwa ayat-ayat semacam ini, demikian juga Hadith Nabi yang menunjukkan adanya “rasa” bagi segala sesuatu seperti sabda Nabi saw., “Sesungguhnya gunung Uhud mencintai kita dan kita pun mencintainya,” itu semua dimaksudkan agar manusia memperlakukan benda-benda tak bernyawa itu seperti benda hidup, yang juga membutuhkan perlakuan baik, persahabatan, dan kasih sayang. Sehingga walaupun mereka tidak hidup seperti kehidupan kita, namun ia memiliki “kehidupan” yang sesuai dengan keadaan mereka”<sup>39</sup>.*

Manakala dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* sebagaimana Hadith berikut ini :

إِنَّ مِنَ الْبَيِّنِ لَسِحْرًا

*Terjemahan : Sesungguhnya di antara pengucapan ada yang bagaikan sihir.*

Berkenaan dengan Hadith di atas Abdul Hayei A.S. menghuraikan :

*“Maksudnya sesebuah pengucapan yang menarik ada yang mampu menyembunyikan hakikat”<sup>40</sup>.*

Hadith dalam dua pernyataan di atas terlihat dengan jelas syarahnya dikemukakan oleh M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S.. Namun, syarah yang dikemukakan oleh M.Q. Shihab berdasarkan pandangan beliau sendiri dan tidak merujuk kepada pandangan ulama yang telah terlebih dahulu menghuraikannya.

Jauh sebelum M.Q. Shihab, Hadith di atas telah dijelaskan oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī (w. 852 H) dalam kitabnya *Fath al-Bārī* dan Badr al-Dīn al-‘Aynī (w. 855 H) dalam kitabnya *‘Umdah al-Qārī*. Menurut pandangan kedua ulama ini, makna

<sup>39</sup> Muhammad Qurasih Shihab (2006), *Op. Cit.*, j.1, h. 234. Contoh lain lihat pada halaman 234, 326, 370

<sup>40</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 338

kata “jabal” dalam Hadith tersebut ialah gunung uhud yang bermaksud untuk memuliakan penduduk madinah (*Ashrafa ‘Alā Ahl al-Madīnah*)<sup>41</sup>.

Berkenaan dengan syarah Hadith dalam pernyataan Abdul Hayei A.S., penulis mendapati syarah Hadith tersebut bersesuaian dengan huraian yang telah dikemukakan oleh Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī sebelumnya, tetapi beliau tidak memberikan maklumat kalau Hadith tersebut telah dihuraikan oleh Ibn Ḥajar dalam kitab *Fath al-Bārī*<sup>42</sup> ketika mensyarah kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*.

#### **4.4 Hukum Hadith Dalam Tafsir al-Mishbāḥ dan Tafsir Pedoman Muttaqin**

Untuk menilai sejauh mana kedudukan Hadith pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*, penulis memilih sebanyak 40 Hadith dalam dua kitab tersebut secara berurutan sebagai sampel kajian. Ini kerana dengan mengkaji 40 Hadith tersebut telah menggambarkan hukum Hadith yang dikemukakan oleh kedua pengarang dan juga telah memenuhi persyaratannya untuk dijadikan sebagai bahan kajian ilmiah pada peringkat sarjana.

Bagi memudahkan carian kepada Hadith-Hadith tersebut, penulis menggunakan perisian *Maktabah al-Shāmilah* manakala bagi menentukan darjahnya, penulis memperhatikan pandangan ulama terlebih dahulu seperti Muhammad Nasir al-Din al-Albānī, Ḥusayn Salīm Asad dan Shu’ayb al-Arna’ūṭ. Hadith-Hadith dalam riwayat Imam al-Bukhārī dan Muslim penulis nyatakan sebagai Hadith sahih, kerana kedua Imam ini tidak meriwayatkan Hadith dalam kitabnya melainkan Hadith sahih

---

<sup>41</sup> Ahmad bin Ḥajar al-‘Asqalānī (2001), *Fath al-Bārī*, Tahqiq : ‘Abd al-Qādir Shaybah Aḥmad, .t.p, c. 1, j. 7, h. 437. Badr al-Dīn bin Maḥmūd bin Muḥammad al-‘Aynī (t.t), *‘Umdah al-Qārī*, Beirut : Dār al-Fikr, j. 9, h. 165

<sup>42</sup> Ahmad bin Ḥajar al-‘Asqalānī (2001), *Op. Cit.*, j. 9, h. 109

sahaja<sup>43</sup>. Jika terdapat Hadith hukumnya dipertikaikan oleh ulama, penulis akan melakukan kajian secara lebih mendalam dengan melakukan kritik sanad dan matan dengan merujuk kepada kitab-kitab *Rijāl al-Ḥadīth* dan *al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl* seperti kitab *Tahdhīb al-Tahdhīb* oleh Ibn Ḥajar, *al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl* oleh Abū Ḥātim al-Rāzī dan *Mīzān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl* oleh al-Dhahabī.

Daripada kajian yang dilakukan, penulis mendapati Hadith-Hadith yang dikemukakan oleh kedua pengarang bukan hanya bertaraf sahih dan hasan (*maqbul*) tetapi ada yang da'if bahkan mawdu' (*mardūd*). Untuk lebih terperinci beberapa darjah Hadith yang ditemukan dalam kedua kitab beserta contohnya akan dihuraikan pada perbahasan berikut.

#### 4.4.1 Hadith Sahih<sup>44</sup>

M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. sama-sama menggunakan Hadith sahih dalam mentafsirkan ayat pada *Sūrah al-Baqarah* dalam tafsirnya masing-masing. Daripada 40 Hadith yang menjadi sampel dalam kajian terdapat 33 Hadith bertaraf sahih dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan 34 Hadith dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Sebagai contoh :

Dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* M.Q. Shihab mentafsirkan :

“Di sisi lain beliau bersabda, “Penangguhan pembayaran hutang oleh yang mampu adalah penganiayaan” ((HR. Bukhārī dan Muslim)<sup>45</sup>.

Matan lengkap Hadith :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " مَطْلُ الْغَنِيِّ ظُلْمٌ .

<sup>43</sup> Abū Zakariyā Yahya bin Sharaf al-Nawawī (2005), *al-Minhāj*, Tahqiq : Khalīl Ma'mūn Shīḥā, Beirut : Dār al-Ma'rifāh, c. 11, j. 1, h. 128. Lihat juga : Faisal Ahmad Sah (2010), *Manahij al-Muhaddithin*, Kuala Lumpur : Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith APIUM, h. 74

<sup>44</sup> Hadith sahih ialah Hadith yang sanadnya bersambung diriwayatkan oleh perawi yang thiqah daripada perawi yang thiqah tidak shadh (*mukhālafah al-thiqah liman huwa awthaq minh*) juga tidak 'illah. Lihat : Sirāj al-Dīn 'Umar bin Ruslān al-Bulqīnī (1999), *Maḥāsin al-Iṣṭilāḥ*, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, c. 1, h. 12. Aḥmad Muḥammad Shākir (t.t), *Al-Bā'ith al-Ḥathīh*, Riyād : Maktabah Dār al-Salām, h. 32. Abū Zakariyyā Yahya bin Sharaf al-Nawawī (2005), *Op. Cit.*, j. 1, h. 146

<sup>45</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j.1, h. 604

Berpandukan kepada maklumat dalam pernyataan M.Q. Shihab di atas dapat dipastikan kedudukan Hadith tersebut adalah sahih kerana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim. Selain Imam al-Bukhārī (w. 256 H) dan Muslim (w. 271 H), Hadith di atas juga diriwayatkan oleh pengarang *al-Kutub al-Sittah* yang lain seperti Imam Abū Dāwūd (w. 275 H) dan Imam al-Tirmidhī (w. 279 H)<sup>46</sup>.

Dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* Abdul Hayei A.S. menyatakan seperti berikut :

*“Tiga buah masjid ini, iaitu Masjidil Haram di Makkah, Masjid Nabawi di Madinah dan Masjid al-Aqsa di Baitul Maqdis merupakan masjid-masjid yang masyhur yang diberi kedudukan tinggi oleh Rasulullah saw sabda baginda :*

لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ مَسْجِدِ الْحَرَامِ وَمَسْجِدِي هَذَا وَالْمَسْجِدِ الْأَقْصَى .

*Terjemahan : Tidak dituntut bersungguh-sungguh untuk berkunjung melainkan ketiga buah masjid : Masjid al-Haram, Masjidku ini dan Masjid al-Aqsa*<sup>47</sup>.

Ketika menulis Hadith di atas pada nota kaki Abdul Hayei A.S. menyatakan “Abū Dāwūd, *al-Manāsik, Ityān al-Madīnah, bil. 1738*” tanpa mengemukakan nama sahabat yang meriwayatkannya. Maksudnya ialah Hadith di atas diriwayatkan oleh Imam Abū Dāwūd dalam Sunannya, Kitāb al-Manāsik, Bāb Ityān al-Madīnah, no. 1738. Maklumat seperti ini selalu dikemukakan oleh Abdul Hayei A.S. ketika menyatakan Hadith pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Selain Imam Abū Dawūd, Hadith di atas juga diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, Imam Muslim dan Imam al-Tirmidhī<sup>48</sup>. Dengan demikian, kesahihan

---

<sup>46</sup> Lihat : Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb Fī al-Istiqrāḍ, Bāb Muṭill al-Ghaniyy Zulm, no. 2400, j. 2, h. 175. Imam Muslim (1991), *Op. Cit.*, Kitāb al-Masāqāh, Bāb Tahrim Muṭill al-Ghaniyy, no. 1564, j. 3, h. 1197. Abū Dāwūd Sulaymān bin Ash’ath al-Sijistānī (1417 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Fī al-Muṭill, no. 3345, h. 603. Imam al-Tirmidhī (1417 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Buyū’, Bāb Mā Jāa Fī Muṭill al-Ghaniyy Annahū Zulm, no. 1308, h. 309

<sup>47</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 385



Hadith di atas dapat dipastikan kerana diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī dan Muslim sekalipun dalam pernyataan Abdul Hayei A.S. hanya diriwayatkan oleh Imam Abū Dāwūd.

#### 4.4.2 Hadith Hasan

Hukum Hadith kedua yang didapati pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* ialah hasan. Jumhur ulama Hadith menyatakan dari segi kehujjahan Hadith hasan sama dengan Hadith sahih (*al-Ḥasan Fī al-Ḥujjah Ka al-Ṣaḥīḥ*)<sup>49</sup>. Hadith dalam kategori ini terdapat sebanyak 1 Hadith pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan 4 Hadith dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Dalam *Tafsir al-Mishbāh* M.Q. Shihab menyatakan :

*“Bukankah ayah yang baik tidak memberi sesuatu yang merugikan anaknya walau sang anak mendesak? Karena itu percayalah kepada Allah dan camkanlah sabda Nabi Muhammad saw., “Berdoalah kepada Allah disertai dengan keyakinan penuh bahwa Allah akan memperkenankan”*<sup>50</sup>.

Matan lengkap Hadith :


عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : أَدْعُوا اللَّهَ وَ أَنْتُمْ مُؤَقِّنُونَ بِالْإِجَابَةِ وَ اعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ لَا يَقْبَلُ دُعَاءَ مَنْ قَلْبٍ غَافِلٍ لَاهٍ.

<sup>48</sup> Lihat : Imam al-Bukhārī (1400 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Jumu’ah, Bāb Faḍl al-Ṣalāh, no. 1189, j. 1, h. 367. Imam Muslim (1991), *Op. Cit.*, Kitāb al-Ḥajj, Bāb Lā Tushadd al-Riḥāl Illā Ilā Thalāthah, no. 1397, j. 2, h. 1014, Imam al-Tirmidhī (1417 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Mā Jāa Fī Ayy al-Masājid Afḍal, no. 325, h. 91

<sup>49</sup> Aḥmad Muḥammad Shākir (t.t), *Op. Cit.*, h. 46

<sup>50</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 409

Sanad Hadith :



Berdasarkan takhrij yang dilakukan, penulis mendapati Hadith di atas diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhī<sup>51</sup> dalam sunannya dan Imam al-Ḥākim dalam al-Mustadrak ‘Alā al-Ṣaḥīḥayn<sup>52</sup>. Sanad Hadith di atas adalah muttasil dan para perawi yang meriwayatkannya dinilai baik (*ta’dīl*) oleh para ulama Hadith kecuali Ṣāliḥ bin Bashīr al-Murī. Ṣāliḥ al-Murī dipertikaikan oleh ulama sebagai ahli Hadith. ‘Amr bin ‘Alī berkata : Ṣāliḥ al-Murī Munkar al-Ḥadīth wa Huwa Rajul Ṣāliḥ. Bagi Yaḥya bin Ma’in dan Imam al-Nasā’ī : Ṣāliḥ al-Murī Ḍa’īf al-Ḥadīth<sup>53</sup>.

Mengikuti definisi yang dikemukakan oleh Imam al-Tirmidhī tentang Hadith hasan iaitu tidak ada seorang pun daripada perawi Hadith tersebut yang dituduh

<sup>51</sup> Imam al-Tirmidhī (1417 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Da’awāt, Bāb Mā Jāa Fī Jāmi’ al-Da’awāt, no. 3479, h. 790

<sup>52</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin ‘Abd Allāh al-Ḥākim al-Naysābūrī (1990), *al-Mustadrak ‘Alā al-Ṣaḥīḥayn*, Kitāb al-Imāmah, Bāb al-Du’ā’, no. 1817, Beirut : Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, j. 1, h. 670

<sup>53</sup> Aḥmad bin Ḥajar bin ‘Alī al-‘Asqalānī (1325 H), *Tahdhīb al-Tahdhīb*, Hindi : Dā’irah al-Ma’ārif, j. 4, h. 382.<sup>53</sup>


berdusta dan Hadithnya tidak shādh<sup>54</sup>, maka penulis berpendapat Hadith di atas adalah hasan. Komenta-komenta jarah para ulama kepada Ṣāliḥ al-Murī di atas tidak sampai kepada urutan jarah (*Marātib al-Jarḥ*) paling tinggi dan tidak ada seorang pun di antara mereka yang menilainya sebagai pendusta. Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī juga menyatakan Hadith di atas adalah hasan<sup>55</sup>.

Manakala dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* Abdul Hayei A.S. menyatakan :

*Ibn Jarir al-Tabari berpendapat : Selaput tebal yang menutupi mata orang kafir disebabkan dosanya yang berlapis-lapis, lalu hati juga turut tersumbat dengan dosa-dosa yang sama. Dalam sebuah hadith riwayat Abu Hurairah ra, Rasulullah saw bersabda :*

إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا أَذْنَبَ كَانَتْ نُكْتَةً سَوْدَاءَ فِي قَلْبِهِ فَإِنْ تَابَ وَنَزَعَ وَاسْتَعْفَرَ صُقِلَ قَلْبُهُ فَإِنْ زَادَ زَادَتْ فَذَلِكَ الرَّأْنُ الَّذِي ذَكَرَهُ اللَّهُ فِي كِتَابِهِ { كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ } .

Sanad Hadith di atas ialah seperti berikut :



<sup>54</sup> Sirāj al-Dīn ‘Umar bin Ruslān al-Bulqīnī al-Shāfi’ī (1999), *Op. Cit*, h. 34

<sup>55</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (t.t) *al-Jāmi’ al-Saghīr Wa Ziyādatuh*, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, h. 25

Daripada kajian yang dijalankan, penulis mendapati semua perawi Hadith di atas adalah muttasil dan thiqah melainkan pada Abū Ṣāliḥ al-Khawzī. Abū Ṣāliḥ al-Khawzī dinilai da'if oleh Yaḥya bin Ma'īn. Abū Zar'ah pula mengatakan : Abū Ṣāliḥ al-Khawzī tidak dikenal namanya (*Lā Yu'rafu Ismuhū*)<sup>56</sup>. Oleh yang demikian, Hadith di atas dinyatakan hasan kerana salah seorang daripada perawinya kurang thiqah. Inilah sebabnya Hadith tersebut dinilai da'if oleh Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī<sup>57</sup>.

#### 4.4.3 Hadith Da'if

Hadith da'if ialah Hadith yang tidak memenuhi persyaratan Hadith sahih dan hasan<sup>58</sup>. Hadith da'if pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mihsbāḥ* sebanyak 5 Hadith manakala dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* 1 Hadith sahaja. Pentafsiran M.Q.

Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* berikut ini sebagai contoh :

“Diriwayatkan oleh Abū Dāud melalui sahabat Nabi saw. Sa'id Ibn Abi Waqqash, bahwa seorang wanita datang kepada Nabi saw. tentang apa yang boleh ia nafkahkan dari harta suaminya (tanpa sepengetahuannya). Nabi saw. menjawab (الرُّطْبُ) *al-ruthab/ kurma yang telah matang, “Silahkan anda makan dan silahkan menghadihkannya”*<sup>59</sup>.

Matan lengkap Hadith :

لَمَّا بَايَعَ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النِّسَاءُ قَامَتْ امْرَأَةٌ جَلِيلَةٌ كَانَتْهَا مِنْ نِسَاءِ مُضَرَ  
فَقَالَتْ يَا نَبِيَّ اللَّهِ إِنَّا كُلُّ عَلَى آبَائِنَا وَأَبْنَاؤُنَا قَالَ أَبُو دَاوُدَ وَأَرَى فِيهِ وَأَزْوَاجِنَا فَمَا يَحِلُّ لَنَا  
مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَقَالَ الرُّطْبُ تَأْكُلْنَهُ وَتُهْدِيْنَهُ.<sup>60</sup>

<sup>56</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī (t.t), *Op. Cit.*, j. 4, h. 538. Abū Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin Abī Ḥātim Muḥammad bin Idrīs al-Rāzī (2002), *al-Jarḥ Wa al-Ta'dīl*, Tahqiq : Muṣṭafā 'Abdul Qādir 'Aṭā, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 9, h. 443. Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalanī (1327 H), *Op. Cit.*, j. 12, h. 131


<sup>57</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (t.t), *Op. Cit.*, h. 255

<sup>58</sup> Muḥammad Ṣiddīq al-Munshārī (t.t), *Qāmūs Muṣṭalahāt al-Ḥadīth al-Nabawī*, Mesir : Dār al-Faḍīlah, h. 76

<sup>59</sup> Muḥammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 469

<sup>60</sup> Imam Abū Dāwūd (1417 H), *Op. Cit.*, Kitāb al-Zakāh, Bāb al-Mar'ah Tataṣaddaq Min Bayt Zawjihā, no. 1686, h. 292. Imam al-Ḥākim (1990), *Op. Cit.*, Kitāb al-Aṭ'imah, no. 7185, j. 4, h. 149

Sanad Hadith :



Hadith di atas diriwayatkan oleh Imam Abū Dāwūd dalam Sunan Abū Dāwūd melalui Abū Sa'id bin Abī Waqqāṣ (w. 55 H). Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī berpendapat Hadith di atas adalah da'if<sup>61</sup>. Pernyataan al-Albānī yang menda'ifkan Hadith di atas adalah benar disebabkan sanadnya terputus antara Sa'id bin Abī Waqqāṣ dengan Ziyād bin Jubayr. Berdasarkan kajian yang dilakukan, tidak ditemukan Sa'id bin Abī Waqqāṣ mempunyai murid bernama Ziyād bin Jubayr, sebaliknya juga tidak ditemukan Ziyād bin Jubayr berguru kepada Sa'id bin Abī Waqqāṣ<sup>62</sup>.

Seterusnya, Hadith da'if pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* ialah seperti berikut :

<sup>61</sup> Muḥammad bin 'Abd Allāh al-Khaṭīb al-Tibrīzī (1979), *Mishkāh al-Maṣābīh*, Tahqiq : Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, c, 2, j. 1, no. 1952, h. 608

<sup>62</sup> Lihat : Shihāb al-Dīn Abū al-Faḍl Aḥmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqalānī (1325 H), *Op. Cit.*, c. 1, h. 483. Abū Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin Abī Ḥātim Muḥammad bin Idrīs al-Rāzī (2002), *Op. Cit.*, c. 1, j. 3, h. 476

أَخْبَرَنَا عَمْرُو بْنُ عَلِيٍّ قَالَ حَدَّثَنَا أَبُو دَاوُدَ قَالَ حَدَّثَنَا عَبَادُ بْنُ مَيْسَرَةَ الْمُنَقَرِيُّ عَنْ  
 الْحَسَنِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ عَقَدَ عُقْدَةً ثُمَّ  
 نَفَثَ فِيهَا فَقَدْ سَحَرَ وَمَنْ سَحَرَ فَقَدْ أَشْرَكَ وَمَنْ تَعَلَّقَ شَيْئًا وَكَلَّ إِلَيْهِ.<sup>63</sup>

Sanad Hadith :



Hadith di atas diriwayatkan oleh Imam al-Nasā'ī dalam Sunannya melalui 'Umar bin 'Alī dari Abū Dāwūd dari 'Abbād bin Maysarah al-Manqarī dari Ḥasan dari Abū Hurayrah. Hadith tersebut dinyatakan da'if kerana salah seorang daripada sanadnya bernama 'Abbād bin Maysarah al-Manqarī dinilai da'if oleh para ulama di antaranya ialah Imam Aḥmad<sup>64</sup>. Selain Imam Ahmad, Abū Dāwūd dan al-Dawrī berkata : *'Abbād bin Maysarah Laysa Bi al-Qawiy*. Manakala bagi 'Abbād bin Manṣūr : Kesaksian 'Abbād bin Maysarah tidak diterima kerana dia memukul anak

<sup>63</sup> Imam al-Nasā'ī (1417 H), *Op. Cit.*, Kitāb Taḥrīm al-Dam, Bāb al-Ḥukm Fī al-Siḥrah, no. 4079, h. 630

<sup>64</sup> Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin 'Uthmān al-Dhahabī (t.t), *Mīzān al-I'tidāl Fī Naqd al-Rijāl*, Beirut : Dār al-Fikr, j. 2, h. 378

yatim dan memakan harta janda (*Liannahū Yaḍrib al-Yatīm Wa Ya'kul Māl al-Armilah*)<sup>65</sup>.

#### 4.4.4 Hadith Mawdu'

Selaian daripada hukum Hadith di atas, hukum Hadith lain yang didapati dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* ialah mawdu'. Hadith dalam kategori ini terdapat 1 Hadith dalam kedu-dua kitab tersebut. Sebagai contoh, dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* M.Q. Shihab mengatakan :

*“Tuntunan Agama melahirkan ketenangan bagi pemeluknya, sekaligus harga diri. Karena itu Agama tidak menganjurkan seseorang berhutang kecuali jika sangat terpaksa. “Hutang adalah kehinaan di siang dan keresahan di malam hari”. Demikian sabda Rasul saw.”.*

Matan lengkap Hadith :

يَا بُنَيَّ إِنِّي أَتَاكَ وَالِدَيْنِ فَإِنَّهُ ذُلُّ النَّهَارِ هَمُّ اللَّيْلِ.

Ungkapan di atas yang dalam pernyataan M.Q. Shihab adalah Hadith tidak ditemui dalam kitab sumber utama dalam pengajian Hadith. Ungkapan tersebut penulis dapati dalam tafsir *al-Durr al-Manthūr* dan *Rūḥ al-Ma'ānī* bukan sabda Rasulullah s.a.w., tetapi perkataan Luqmān al-Ḥakīm yang disampaikan oleh beliau kepada anaknya<sup>66</sup>. Oleh itu, Hadith di atas dinyatakan mawdu' kerana tidak ada sumber yang jelas menunjukkan matan tersebut disabdakan oleh Rasulullah s.a.w..

Pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* Abdul Hayei A.S. mentafsirkan :

*“Iman yang tidak disertakan dengan amal salih, bagaikan dakwaan yang tidak disertakan bukti dan fakta. Justeru Nabi bersabda :*

<sup>65</sup> Ahmad bin 'Alī bin Ḥajar al-'Asqālānī (1326), *Op. Cit.*, j. 5, h. 107

<sup>66</sup> Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūṭī (2003), *al-Durr al-Manthūr*, Tahqiq : 'Abd Allāh bin 'Abd al-Muḥsin al-Turkī, Kaherah : Markaz Li al-Buḥūth Wa al-Dirāsāt al-'Arabiyah Wa al-Islāmiyah, c. 1, j. 11, h. 646. Abū al-Faḍl Shihāb al-Dīn Maḥmūd al-Alūsī (t.t), *Rūḥ al-Ma'ānī*, Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, j. 21, h. 83

لَيْسَ الْإِيمَانُ بِالتَّحَلِّيِّ وَلَا بِالتَّمَنِّيِّ وَ لَكِنْ مَا وَقَرَ فِي الْقَلْبِ وَصَدَّقَهُ الْعَمَلُ.<sup>67</sup>

Berdasarkan kajian yang dilakukan, penulis tidak mendapati ungkapan di atas adalah Hadith sebagaimana dinyatakan oleh Abdul Hayei A.S., tetapi ungkapan tersebut adalah perkataan Hasan al-Baṣrī (w.110 H) seorang sufi<sup>68</sup> dan mufassir dari kalangan tabi'in<sup>69</sup>. Oleh yang demikian, Hadith tersebut dinilai mawdu' sebagaimana dinyatakan oleh Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī dalam kitab *al-Jāmi' al-Ṣaghīr Wa Ziyādatuh*<sup>70</sup>.

#### 4.4.5 Jadual

##### Menunjukkan Bilangan Hukum Hadith Pada *Sūrah al-Baqarah* Dalam *Tafsir al-Mishbāḥ* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin*

NO	HUKUM HADITH	TAFSIR AL-MISHBĀḤ		TAFSIR PEDOMAN MUTTAQIN	
		BILANGAN	PERATUS	BILANGAN	PERATUS
1	SAHIH	33	82%	34	85/%
2	HASAN	1	2.5%	4	10%
3	DA'IF	5	13%	1	2.5%
4	MAWDU'	1	2.5%	1	2.5%
JUMLAH		40	100%	40	100%

<sup>67</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 224

<sup>68</sup> Hasan al-Baṣrī hidup pada kurun pertama hijrah tepatnya pada tahun 21 H/642 M. Beliau dipandang sebagai salah seorang sufi oleh kaum sufi karena terkenal zuhud dan ahli dalam beribadah. Beliau juga seorang mufassir yang telah berjaya menulis kitab tafsir dengan tajuk tafsir *al-Ḥasan al-Baṣrī*. Lihat : AJ Arberry (1985), *Sufism : An Account of The Mystics of Islam* : terj. Bambang Herwan, Pasang Surut Aliran Tasawuf. Bandung : Mizan, h. 37. Noraini BT Jahari (2003), *Sumbangan al-Ḥasan Al-Baṣrī Dalam Bidang Tasawuf*, Latihan Ilmiya di Jabatan Akidan dan Pemikiran, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 37

<sup>69</sup> Abū Ḥayyān (1993), *al-Baḥr al-Muḥīṭ*, Tahqiq : 'Ādil Aḥmad 'Abd al-Mawjūd, Beirut : Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, c. 1, j. 5, h. 454

<sup>70</sup> Muḥammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (t.t), *Op. Cit.*, no. 10348, h. 1035



Jadual di atas menunjukkan bahawa Hadith sahih terdapat 33 Hadith<sup>71</sup> (82%) pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan 34 Hadith<sup>72</sup> (85%) dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Seterusnya ialah Hadith hasan, didapati 1 Hadith<sup>73</sup> (2.5%) dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan 4 Hadith<sup>74</sup> (10%) dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Manakala Hadith da'if sebanyak 5 Hadith<sup>75</sup> (13%) dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan 1 Hadith<sup>76</sup> (2.5%) dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*. Terakhir sekali ialah Hadith mawdu'. Hadith dalam kategori ini ditemukan 1 Hadith<sup>77</sup> (2.5%) dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan juga *Tafsir Pedoman Muttaqin*<sup>78</sup>.

Penejelasan dan jadual di atas menunjukkan Hadith bertaraf sahih lebih banyak digunakan oleh M.Q.Shihab dan Abdul Hayei A.S. berbanding dengan Hadith yang tidak sahih dalam tafsirnya masing-masing. Namun begitu, kepastian hukum Hadith tersebut tidak dapat diketahui dengan mudah melainkan dengan mujahadah yang tinggi dari para pangkaji, kerana masih banyak Hadith hukumnya tidak dijelaskan oleh kedua pengarang.

Pendekatan penulisan Hadith yang telah dilakukan oleh Abdul Hayei A.S. pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* lebih baik dan istimewa berbanding dengan pendekatan M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh*. Di antara keistimewaan Abdul Hayei A.S. ialah terletak pada penulisan matan Hadith dalam bentuk bahasa Arab dan terjemahnya sekaligus. Selain itu, keistimewaan tersebut

<sup>71</sup> Hadith-hadith tersebut lihat pada : Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 101. 133. 174. 234. 244. 249. 301. 326. 339. 352. 370. 426. 464. 466. 470. 478. 497. 508. 520. 544. 550. 563. 563. 563. 577.593. 603. 603. 603. 604. 611. 615. 616

<sup>72</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j.1, h. 48. 48. 49. 67. 74. 78. 91. 124. 160. 177. 183. 201. 201. 247. 253. 277. 278. 291. 338. 341. 342. 346. 352. 355. 372. 385. 418. 438. 445. 455. 466. 476. 459. 489

<sup>73</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 409

<sup>74</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j.1, h. 49. 68. 137. 255

<sup>75</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 196. 352. 469. 589. 591

<sup>76</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j.1, h. 341

<sup>77</sup> Muhammad Quraish Shihab (2006), *Op. Cit.*, j. 1, h. 604

<sup>78</sup> Abdul Hayei Abdul Sukor (2010), *Op. Cit.*, j. 1, h. 224

juga dapat dilihat ketika beliau mengemukakan maklumat takhrij secara sederhana meliputi nama pengarang kitab, kitab, bab dan juga nombor Hadith. Paling menarik lagi apabila beliau menyatakan fahrasat Hadith-Hadith yang digunakan pada bahagian akhir kitab.

Berbeza dengan M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh*, beliau menyatakan matan Hadith secara umum dalam bentuk terjemahan. Terkadang beliau mengemukakan Hadith tanpa sanad dan mukharrij dan terkadang pula Hadith dikemukakan secara maksud sahaja tanpa sanad, matan dan mukharrij. Sudah pasti, pendekatan seperti ini dalam menyatakan Hadith akan mengakibatkan kesukaran untuk merujuk Hadith-Hadith tersebut kepada sumber aslinya terutama kepada para pembaca yang tidak mempunyai kemampuan bahasa Arab dengan baik.

Berkenaan dengan aspek penggunaan Hadith, M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* sama-sama menggunakan Hadith sebagai penjelas terhadap ayat atau dalil bagi pernyataan. Walaupun begitu, penggunaannya sebagai dalil pernyataan lebih banyak berbanding dengan fungsinya sebagai penjelas dan penguat terhadap ayat secara langsung. Maka dari itu, sekalipun didapati banyak Hadith dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* tidak menggambarkan kedua kitab tersebut dalam kategori *Tafsir Bi al-Ma'thūr* tetapi lebih dekat kepada *Tafsir Bi a-Ra'y*.

Perbahasan terakhir ialah hukum Hadith. Berdasarkan kajian yang dilakukan dapat dirumuskan bahawa terdapat empat hukum Hadith pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan *Tafsir Pedoman Muttaqin* iaitu sahih, hasan, da'if dan mawdu'. Daripada keempat hukum tersebut yang paling banyak digunapakai oleh kedua pengarang ialah Hadith sahih. Ini membuktikan kedua pengarang melakukan

pentafsiran yang baik dalam menghuraikan al-Qur'an kerana banyak merujuk kepada Hadith yang sahih.

Namun begitu, kepastian hukum Hadith-Hadith tersebut tidak dapat diketahui dengan mudah melainkan dengan usaha yang sungguh daripada para pengkaji. Ini kerana bukan sahaja hukum Hadith tersebut tidak dijelaskan oleh kedua pengarang tetapi juga disebabkan adanya matan Hadith yang sumbernya tidak dinyatakan. Kesilapan ini sama-sama dilakukan oleh M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. dalam tafsirnya masing-masing.

#### **4.6 Kesimpulan**

Berdasarkan kajian di atas dapat disimpulkan bahawa M.Q. Shihab dan Abdul Hayei A.S. memiliki persamaan dan perbezaan dalam menyatakan Hadith. Di antara persamaannya ialah menyatakan Hadith dengan sanad pertama dan mukharrij dan menyatakan Hadith dengan mukharrij tanpa sanad. Manakala perbezaannya ialah berkaitan dengan penulisan matan Hadith dengan terjemahan dan penulisan Hadith secara isyarat. Pendekatan seperti ini hanya digunakan oleh M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* dan tidak digunakan oleh Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin*.

Persamaan dari aspek lain dapat dilihat semasa menggunakan Hadith. Dalam hal ini kedua pengarang sama-sama menggunakan Hadith sebagai penjelas terhadap ayat atau pun sebagai dalil bagi pernyataan. Penggunaan Hadith sebagai dalil bagi pernyataan itu lebih banyak berbanding dengan penggunaannya sebagai penjelas terhadap ayat.

Berkenaan dengan hukum Hadith, kedua pengarang sama-sama mengemukakan Hadith sahih, hasan, da'if dan mawdu'. Walau bagaimanapun, pada

*Sūrah al-Baqarah* dalam dua kitab tersebut pemakaian Hadith sahih lebih banyak berbanding Hadith yang lain. Namun, kepastian hukum Hadith-Hadith tersebut tidak dapat diketahui dengan mudah melainkan dengan melakukan kajian yang mendalam.

Metode penulisan Hadith pada *Sūrah al-Baqarah* dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* lebih istimewa berbanding penulisan Hadith dalam *Tafsir al-Mishbāh*. Keistimewaan tersebut terletak pada penulisan Hadith dengan bahasa Arab dan terjemahnya sekaligus. Lebih istimewa lagi pengarang mengemukakan takhrij secara sederhana meliputi nama pengarang kitab, kitab, bab dan nombor Hadith. Pastinya dengan adanya maklumat seperti ini para pembaca akan merasa lebih mudah untuk mencari Hadith-Hadith tersebut kepada sumber aslinya.

Pada pandangan penulis, metode penulisan Hadith Abdul Hayei A.S. dalam *Tafsir Pedoman Muttaqin* lebih baik dan istimewa berbanding penulisan Hadith M.Q. Shihab dalam *Tafsir al-Mishbāh* disebabkan beliau adalah seorang tokoh yang memiliki latar belakang akademik dalam bidang Hadith. Selain itu, beliau merupakan seorang mufassir Melayu kontemporari yang telah mengambil iktibar daripada para mufassir sebelumnya menyatakan Hadith dalam tafsirnya masing-masing tidak sesuai dengan kaedah penulisan Hadith.